MODUL 9 : PEMBETULAN KESILAPAN

KESILAPAN TIDAK KETARA

PEMBETULAN KESILAPAN

- Kesilapan ketara
  - Kesilapan yang jelas dan dapat dilihat daripada Imbangan Duga yang tidak seimbang.
- Kesilapan tidak ketara
  - Kesilapan yang berlaku tetapi tidak dapat dilihat daripada Imbangan Duga kerana jumlah Imbangan Duga masih seimbang.
- Kesilapan ketinggalan
  - Satu urus niaga yang tidak direkodkan dalam Buku Catatan Pertama dan lejar.
- Kesilapan komisen
  - Kesilapan merekodkan dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama.
- Kesilapan prinsip
  - Kesilapan merekodkan dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang berbeza.
- Kesilapan amaun
  - Merekodkan amaun yang salah di bahagian debit dan di bahagian kredit. Kesilapan amaun akan menyebabkan akaun terlebih atau terkurang rekod.
- Kesilapan terbalik atau songsang
  - Merekodkan urus niaga mengikut catatan bergu tetapi membuat catatan di bahagian yang terbalik.
- Kesilapan saling mengimbangi
  - Kesilapan yang sama berlaku di bahagian debit dan di bahagian kredit akaun sama ada terlebih atau terkurang rekod.

LIVEWORKSHEETS

MODUL 9 : PEMBETULAN KESILAPAN

SOALAN 1 (BT m/s 303)

Imbangan Duga Perniagaan Razak pada 31 Julai 2016 adalah seimbang. Maklumat berikut merupakan kesilapan yang telah dikesan:

Anda dikehendaki:

(a) Nyatakan jenis kesilapan tersebut.

(b) Membetulkan kesilapan dalam Jurnal Am. *(Keterangan tidak diperluakan)*

(i)	**Jualan barang niaga sebanyak RM400 kepada Perniagaan Anuar belum direkodkan dalam mana-mana buku.**

JURNAL AM

TARIKH	BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
(i)			

(ii)	**Jualan peralatan bernilai RM2 900 telah dikreditkan dalam Akaun Kenderaan.**

JURNAL AM

TARIKH	BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
(ii)			

LIVEWORKSHEETS

(iii)	Bayaran insurans RM320 tersalah rekod dalam Akaun Gaji.

JURNAL AM

TARIKH	BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
(iii)			

(iv)	Bayaran sewa RM2 000 dengan cek telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Sewa.

JURNAL AM

TARIKH	BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
(iv)			

LIVEWORKSHEETS